



The Observer

11.02.2022

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Beberapa strategi untuk pemegang saham minoriti menghadapi pasaran saham yang tidak menentu akibat penularan varian Omicron

Tidak dinafikan, varian Omicron COVID-19 membuatkan pelabur mengimbas kembali ke awal tahun 2020 apabila wabak ini mula merebak ke seluruh dunia.

Varian ini membuat kemunculan dramatik dalam laporan media pada Black Friday (26 November 2021), yang mencetuskan penjualan besar-besaran dalam pasaran saham global selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*, WHO) menyifatkan Omicron sebagai varian yang membimbangkan (kerana ia lebih mudah berjangkit walaupun kesannya tidak seteruk varian Delta).

Ketika penularan kes COVID-19 berleluasa di seluruh dunia, kerajaan dengan pantas menguatkuasakan sekatan perjalanan dari negara berisiko tinggi dan pada masa yang sama melanjutkan peraturan penjarakan sosial.

Pada 6 Februari, kes baharu COVID-19 di Malaysia sudah melepasi angka 10,000 apabila sejumlah 10,089 kes dilaporkan. Kali terakhir Malaysia melepasi paras 10,000 kes adalah pada 2 Oktober 2021 dengan 10,915 kes. Sejak itu, jumlah kes harian telah meningkat kepada 20,939 pada 11 Februari 2022. Kebanyakan kes baharu adalah dalam kategori satu dan dua dan sama ada tanpa gejala atau hanya menunjukkan simptom ringan.

Dengan bacaan R0/Rt terkini pada 1.2, jumlah kes COVID-19 di Malaysia dijangka mencecah 22,000 menjelang akhir Mac, menurut Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Omicron (atau apa sahaja varian lain yang baru muncul) bakal menjadi perkara biasa yang mengganggu gugat pasaran saham global di sepanjang tahun 2022. Oleh yang demikian, berikut adalah beberapa langkah atau peristiwa yang perlu diperhatikan oleh pemegang saham minoriti untuk melindungi pelaburan mereka.

Pengajaran lalu

Kita patut bersyukur kerana berpengalaman mengurus dan membendung penularan wabak sebelum ini. Justeru, setakat ini kadar kemasukan ke hospital masih dalam kawalan walaupun bilangan kes COVID-19 terus meningkat.

Walaupun penguatkuasaan kawalan pergerakan dan perintah berkurung, sekatan perjalanan dan penutupan sempadan sudah boleh dilonggarkan, namun perniagaan masih menghadapi cabaran yang diakibatkan oleh kesan pengasingan diri, penjarakan sosial dan protokol kesihatan.

Walau bagaimanapun, kadar kematian yang lebih rendah serta kempen vaksinasi yang berterusan menurunkan risiko penguatkuasaan penutupan yang berpanjangan dan lebih ketat.

Berikut adalah beberapa cabaran yang perlu ditangani oleh pelabur dalam tempoh beberapa bulan akan datang, tatkala kebimbangan terhadap virus Omicron terus memuncak:

Gangguan terhadap rantai bekalan

Sejak dua tahun lalu, rantai bekalan global menghadapi tekanan yang belum pernah berlaku sebelum ini akibat gangguan pergerakan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Walaupun gangguan terhadap rantai bekalan nampaknya semakin berkurangan namun keadaan boleh bertukar menjadi lebih teruk jika gelombang Omicron memaksa penutupan ekonomi utama sekali lagi.

Selain itu, menurut IHS Markit walaupun pandemik merupakan faktor utama di sebalik gangguan ini, lebih-lebih lagi dengan varian Omicron yang mewujudkan ketidakpastian baharu, ia bukanlah satu-satunya faktor kerana cabaran lain berkaitan kapasiti, logistik dan buruh tetap wujud walaupun di luar fasa pandemik.

Berbanding setahun yang lalu, harga tenaga seperti minyak mentah, arang batu dan gas asli kini jauh lebih tinggi berikutan permintaan yang kukuh yang datang bersama pemulihan ekonomi.

Pasaran yang tidak menentu

Pada tahun 2020, kehadiran COVID-19 telah memporak-perandakan ekonomi apabila pasaran saham jatuh menjunam pada peringkat awal pandemik, disebabkan kebimbangan para pelabur terhadap kesan pandemik. Sesiapa pun tidak dapat meneka jika sejarah ini bakal berulang disebabkan Omicron.

Namun demikian, sifat pasaran saham yang berpandangan ke hadapan telah menghasilkan lantunan berbentuk V bagi Indeks Perindustrian Dow Jones. Selepas melonjak ke paras tertinggi iaitu 29,551.42 pada 12 Februari 2020, Dow mencatatkan rekod dengan junaman 2,997.10 mata (12.93%) untuk ditutup pada 20,188.52 pada 16 Mac.

Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi tahun 2020 telah disusuli oleh pasaran saham yang berkembang pesat apabila Dow melonjak melepasi 30,000 mata menjelang 24 November 2020. Pasaran terus meningkat dengan Dow ditutup pada

36,799.65 mata, paras tertinggi sepanjang masa selepas mencapai rekod intra hari 36,934.84 mata pada 4 Januari 2022.

Seperti Dow, minyak mentah Brent pernah menyaksikan harganya jatuh kepada AS\$9.12/tong pada 21 April 2020, jauh berbeza berbanding AS\$70/tong pada awal 2020. Ia bangkit dengan lonjakan kukuh kepada paras AS\$92/tong pada 8 Februari 2022. Penganalisis meramalkan harga minyak bakal mencecah AS\$100/tong apabila pemulihan permintaan digabungkan dengan penyusutan simpanan stok dan gangguan bekalan.

Perkara yang paling penting, pengalaman ini mengajar para pelabur bahawa tidak semuanya kekal muram dan suram. Lihat sahaja saham sarung tangan dan saham teknologi yang melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah sebelum baton diserahkan kepada saham pemulihan apabila pandemik mulai reda dan prospek pembukaan semula ekonomi kembali cerah.

Kenaikan OPR

Bank pusat dijangka mengekalkan kadar dasar semalaman (*overnight policy rate*, OPR) pada kadar 1.75% sehingga akhir Jun ini. Kemudian bank secara beransur-ansur menaikkan penanda aras kadar dasar semalaman bermula pada suku ketiga berikutan tekanan inflasi yang semakin meningkat.

Firma penyelidikan seperti CGS-CIMB Research telah membuat unjuran terdapat dua pusingan kenaikan kadar sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada separuh tahun kedua walaupun kuantum kenaikan ini membangkitkan kebimbangan. Ini adalah kerana kenaikan kadar inflasi boleh melemahkan kuasa beli pengguna.

Melihat dari perspektif firma penyelidikan itu, kenaikan kadar oleh BNM mencerminkan beberapa faktor, iaitu (i) keadaan ekonomi pada 2022 dijangka lebih baik berbanding 2021, dengan risiko sekatan pergerakan yang lebih rendah serta persekitaran pasaran buruh yang lebih baik; (ii) walaupun unjuran inflasi adalah lebih tinggi, namun kenaikan itu tidaklah keterlaluan dengan adanya tindakan pantas daripada kerajaan; dan (iii) tahap kadar faedah masih amat bersesuaian untuk pengguna dan perniagaan.

Keutamaan terhadap penyatuan fiskal

Dari sudut makroekonomi, Bank Dunia menyatakan bahawa penyatuan fiskal Malaysia perlu diberi keutamaan bagi memastikan keberkesanan kutipan hasil dan perbelanjaan kerajaan dalam jangka sederhana.

Ini memandangkan defisit fiskal Malaysia dijangka diperluas kepada 6.5% pada 2021 selepas semakan semula dalam perbelanjaan sebanyak 0.6% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) manakala kutipan hasil menyusut 0.5% daripada KDNK.

Peningkatan had siling hutang kepada 65% pada Oktober 2021 membolehkan perbelanjaan yang lebih tinggi dibuat. Namun, caj perkhidmatan hutang dijangka meningkat kepada 18.4% pada 2022.

Hidup bersama COVID-19

Akhir sekali, para pelabur perlu menyesuaikan diri dengan istilah endemik apabila lebih banyak perniagaan dalam sektor ekonomi di Malaysia dibuka semula sementara sekatan sosial dan perjalanan ditarik balik secara beransur-ansur.

Apabila COVID-19 memasuki fasa endemik, bermakna penyakit ini tidak akan hilang dan akan terus berjangkit.

Walau apa pun variannya - Omicron, Delta atau IHU, virus COVID-19 akan sentiasa ada. Oleh yang demikian, kita perlu meneruskan kehidupan dengan cara yang selamat, bersama-sama kewujudan virus ini. Sudah tiba masanya untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu dan persekitaran berbeza dalam pekerjaan dan kehidupan harian.

Peralihan dari tahap pandemik kepada peringkat endemik menyaksikan komuniti melihat sendiri peningkatan jumlah orang yang kebal terhadap virus, sama ada yang pulih daripada jangkitan secara semula jadi atau melalui vaksinasi.

Mengubah suai strategi pelaburan

Kalaupun penularan varian Omicron ini benar-benar menyebabkan sekatan pergerakan baharu, pelabur tidak perlu mengetepikan strategi pelaburan mereka secara mendadak. Pasaran mengambil masa kurang lima bulan untuk pulih daripada ketakutan di peringkat awal penularan COVID-19 pada awal tahun 2020, yang menyaksikan sebarang penurunan berikutnya ditangani dengan pantas.

Pada peringkat ini, mengkaji saham dengan asas yang kukuh mungkin merupakan formula terbaik untuk portfolio seseorang pelabur supaya mereka bersedia berhadapan sebarang potensi turun naik.

Berbekalkan penyelidikan yang bersesuaian dan perancangan kewangan yang rapi, seseorang pelabur perlu terus melabur dengan bijak dan konsisten, pada masa yang sama berpegang teguh dan percaya bahawa di tengah-tengah kesulitan masih terdapat ruang dan peluang menjana keuntungan. Mantra yang bagus diikuti ialah membeli apabila terdapat ketakutan dalam pasaran yang menekan harga saham yang bagus dan menjual apabila perasaan tamak mula menyelubungi diri.

Jika harga saham jatuh, teruskan melabur sewaktu kemelesetan ekonomi kerana ia boleh menjadi peluang yang hebat untuk membeli saham berkualiti pada harga diskaun. Jika harga melonjak, pilihlah keuntungan kerana pasaran tidak menentu. Semuanya bergantung kepada falsafah pelaburan anda yang mungkin berbeza mengikut kaunter. Misalnya strategi dagangan untuk sesetengah kaunter atau strategi jangka panjang untuk kaunter yang lain.

Apabila difikirkan semula, elakkan daripada terperangkap dalam pergerakan harian pasaran, lebih-lebih lagi dengan melibatkan diri dalam perdagangan spekulatif. Melainkan anda seorang yang berani kerana ia boleh menyebabkan kecut perut dan tekanan perasaan. Jika anda menggunakan pelaburan sebagai strategi jangka panjang, anda tidak perlu bimbang akan prestasi pasaran pada sepanjang hari, minggu atau bulan atau bahkan beberapa tahun.

Selagi portfolio seseorang pelabur mengandungi saham yang berkualiti, pelaburan mereka dapat berkembang maju dalam jangka panjang tanpa perlu bergantung kepada hala tuju pasaran dalam tempoh terdekat.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 14 hingga 18 Februari 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
14.02.22 (Isnin) 10.30 pagi	Hextar Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Hextar mencatatkan peningkatan marginal berjumlah RM1.7 juta atau 1.4% kepada RM123.0 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM121.3 juta).</p> <p>Walau bagaimanapun, Kumpulan berjaya meraih prestasi yang memberangsangkan apabila mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM1.9 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding kerugian bersih RM7.9 juta pada tahun sebelumnya. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan jualan dan pengedaran yang lebih rendah, kerugian rosot nilai yang lebih rendah untuk inventori dan aset kewangan serta pelarasan bagi lebih peruntukan dan bayaran balik cukai. Kumpulan bergantung kepada industri pertanian kerana sebahagian besar pendapatannya dijana melalui pembuatan dan pengedaran baja kepada industri pertanian.</p>

16.02.22 (Rabu) 10.00 pagi	Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	Sasbadi terus menanggung kerugian apabila rugi bersihnya meningkat kepada RM9.251 juta berbanding kerugian bersih RM8.952 juta pada tahun kewangan 2020. Jumlah kes COVID-19 yang kembali meningkat serta pelaksanaan semula perintah kawalan pergerakan (PKP) (<i>movement control order, MCO</i>) benar-benar menjejaskan keseluruhan operasi.
17.02.22 (Khamis) 11.00 pagi	Kuala Lumpur Kepong Berhad (AGM)	Pendapatan KLK meningkat 27.6% tahun ke tahun kepada RM19.9 bilion, berbanding RM15.6 bilion pada tahun kewangan 2020. Peningkatan ini melonjakkan keuntungan bersih Kumpulan sebanyak 192.2%, memecahkan rekod dengan RM2.258 bilion (tahun kewangan 2020: RM772.6 juta). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga produk sawit yang memberangsangkan, prestasi cemerlang KLK Oleo dan hampir kesemua sektor perniagaan yang lain. Bagi tahun kewangan 2022, Kumpulan akan menumpukan kepada penyatuan aset, memperhebat sinergi serta integrasi operasi.
17.02.22 (Khamis) 02.15 petang	Batu Kawan Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2021 meningkat dengan ketara sebanyak 29% tahun ke tahun kepada RM20.71 bilion (tahun kewangan 2020: RM16.07 bilion) dipacu oleh harga jualan yang lebih kukuh untuk minyak sawit mentah (<i>crude palm oil, CPO</i>) dan isirung sawit. Peningkatan dalam pendapatan turut melonjakkan keuntungan sebelum cukai Kumpulan sebanyak lebih sekali ganda, iaitu RM3.08 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun

		<p>keuangan 2020, selain beberapa item bukan operasi yang dilaporkan sekali sahaja di bawah Pegangan Pelaburan/Lain-lain.</p> <p>Jika dikecualikan item bukan operasi ini, keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan 2021 berjumlah RM2.58 bilion, atau 105% lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya. Harga produk sawit semasa yang kukuh dijangka dapat dikekalkan. Ini merupakan petanda baik untuk menambah keuntungan bahagian perladangan manakala sektor Oleokimia dan Kimia Industri dijangka mengekalkan prestasi masing-masing pada tahun kewangan 2022.</p>
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Hextar Industries Berhad (dahulunya dikenali sebagai SCH Group Berhad) (AGM)	<p>Pada tahun kewangan semasa, kilang pembuatan HIB yang terletak di Sarawak mencatatkan pendapatan yang lebih rendah iaitu menyusut 18.1% berbanding tahun kewangan 2020. Ini disebabkan oleh kekurangan bekalan bahan mentah serta sekatan terhadap kapasiti pengeluaran dan waktu logistik. (Halaman 31, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Adakah situasi kekurangan bekalan bahan mentah ini telah diselesaikan?</p> <p>(b) Harga minyak sawit mencatatkan peningkatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Adakah HIB mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan pendapatannya? Bagaimanakah prestasi setengah tahun pertama tahun kewangan 2022 dan bagaimanakah prospek bagi setengah tahun kedua?</p>
Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan tidak banyak berubah sepanjang dua tahun kewangan lepas (tahun kewangan 2021: RM62,902 juta; tahun kewangan 2020: 62,814 juta). Walau bagaimanapun, kos jualan mencatatkan peningkatan ketara daripada RM46.553</p>

	<p>juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM51.629 juta pada tahun kewangan 2021 (Halaman 72, Laporan Tahunan).</p> <p>Apakah punca peningkatan yang mendadak dalam kos jualan? Bagaimanakah Kumpulan menangani situasi ini pada masa hadapan?</p>
Kuala Lumpur Kepong Berhad (AGM)	<p>Melihat dari sudut geografi, 55% daripada kawasan tanaman kelapa sawit Kumpulan terletak di Indonesia, 43% di Malaysia dan kira-kira 2% di Liberia. (Halaman 28, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Indonesia menguatkuasakan peraturan baharu baru-baru ini, yang memerlukan pengeluar minyak sawit tempatan di negara itu menjual 20% daripada pengeluaran mereka kepada kilang penapis domestik pada harga tetap. Sejauh manakah pelaksanaan peraturan ini memberi kesan terhadap prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
Batu Kawan Berhad (AGM)	<p>Perniagaan produk kimia klor-alkali CCM mencatatkan pendapatan yang lebih rendah tahun ke tahun, sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan harga soda kaustik, peningkatan kos pengeluaran yang disebabkan oleh waktu gendala kilang di Pasir Gudang (<i>Pasir Gudang Works</i>, PGW) serta kos penstrukturan semula di peringkat dalaman. Salah sebuah kilangnya di bawah PGW yang memulakan operasi pada Januari 2020 tidak dapat beroperasi pada kapasiti maksimum. Lantaran itu, ia mengalami pengurangan kapasiti sepanjang tahun kewangan 2021. Operasi kilang yang terjejas dijangka akan dipulihkan kepada kapasiti penuh pada Februari 2022. (Halaman 39, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Apakah punca utama yang menyebabkan kilang di Pasir Gudang mengalami waktu gendala?</p> <p>(b) Berapakah jumlah kos yang dibelanjakan untuk memulihkan operasi kilang yang terjejas kepada kapasiti penuh?</p> <p>(c) Apakah status terkini kilang yang terjejas ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.